



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### FAKTA SEBENAR TEPIS FITNAH BLOG SABAHKINI2

Merujuk kepada artikel yang dimuatnaik oleh blog Sabahkini2 bertajuk, "Dulu di MOTAC disiasat SPRM kini di MOT KSU buat 'Runding Terus KTMB' untuk kroni?" (Pautan : <http://sabahkini2.com/en/news/3625/dulu-di-motac-disiasat-sprm-kini-di-mot-ksu-buat-runding-terus-ktmb-untuk-kroni/view>).

Berikut merupakan fakta-fakta bagi menepis segala fitnah yang dilemparkan oleh blog tersebut :

1. Pihak yang meluluskan perolehan secara rundingan terus adalah Kementerian Kewangan Malaysia, bukannya kementerian pelaksana. Perolehan secara rundingan terus ini juga adalah mengikut pekeliling dan garis panduan berikut:

#### **PK7.15 – Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus.**

2. Iklan tender bagi Perolehan 10 Set (6 Car) Electric Train Set (ETS) Baharu telah dipamer pada 23 Januari 2020. Selepas tutup tempoh tender, hanya tiga (3) petender yang mengemukakan cadangan dan Laporan Penilaian Tender telah dibentangkan kepada Lembaga Perolehan pada 23 Jun 2020. Kesemua petender tidak mencapai markah lulus bagi penilaian kewangan dan teknikal kerana tidak mencapai kriteria-kriteria yang ditetapkan di dalam dokumen tender.

3. Kerajaan mencadangkan proses secara rundingan terus kerana tiada petender yang lulus. Proses tender semula akan mengambil masa, dan kesukaran mendapat syarikat yang berdaftar di bawah kategori pembuatan tren.

4. Kerajaan telah menetapkan anggaran jabatan bagi perolehan ini sebanyak RM587juta (selepas Makmal Pengurusan Nilai) tetapi perolehan secara rundingan terus dengan syarikat yang dianugerahkan kontrak adalah bernilai RM456juta iaitu penjimatan sebanyak RM131juta.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

5. Kementerian Pengangkutan Malaysia akan mendapatkan nasihat daripada peguam untuk tindakan lanjut seterusnya mengheret mana-mana pihak yang sengaja menyebarkan fitnah ke muka pengadilan. Laporan polis juga telah dibuat terhadap blog Sabahkini2 untuk tindakan susulan.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**7 APRIL 2021**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

